

# PTAR [QRA]

"LIBRARY for ALL"

## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Bil. 04/2016 | April | [www.library.uitm.edu.my](http://www.library.uitm.edu.my)[www.facebook.com/library.uitm](https://www.facebook.com/library.uitm)[www.instagram.com/ptaruitm](https://www.instagram.com/ptaruitm)[perpustakaanuitm.blogspot.my](http://perpustakaanuitm.blogspot.my)

### Program CSR : ILMU MENGUBAH DESTINI (IMD) PTAR 2016

#### BENGKEL PENGKATALOGAN & PENGKELASAN GURU



Majlis perasmian oleh Prof. Madya Dr. Abdol Samad bin Nawi, Rektor UiTM Terengganu

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dan Perpustakaan Cendekiawan UiTM Terengganu dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan Bengkel Pengkatalogan Dan Pengkelasan Guru Pusat Sumber Sekolah Menengah Negeri Terengganu bersempena dengan Program CSR : Ilmu Mengubah Destini (IMD) PTAR 2016.

Program yang diadakan di Hotel Permai, Kuala Terengganu selama 3 hari ini bermula pada 18-20 April 2016, telah disertai oleh 100 orang guru pusat sumber sekolah menengah sekitar negeri Terengganu dan dirasmikan oleh Rektor UiTM Terengganu, Prof Madya Dr. Abdol Samad bin Nawi.

Antara penceramah jemputan adalah Tuan Haji Akram@Amir bin Abdul Majid, Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu dan juga Prof. Madya Hamidah binti Hj. A. Rahman, Pensyarah Kanan, Fakulti Pengurusan Makumat, UiTM.

**"Bengkel Pengkatalogan dan Pengkelasan Guru ini adalah salah satu komponen Program CSR (IMD PTAR) yang merupakan siri ke 16 sejak penganjuran bengkel dari tahun 1999 hingga kini. Ia merupakan kerjasama antara penganjur PTAR UiTM Shah Alam dan Perpustakaan UiTM Kampus Negeri serta Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia."**



Sebahagian daripada peserta bengkel yang hadir

Sejak penganjurnya, ia telah diadakan di beberapa negeri seperti di Selangor, Perlis, Pulau Pinang, Pahang, Sabah, Sarawak, Kelantan, Kedah, Terengganu dan Johor.

Bengkel ini merupakan satu wadah perkongsian pengetahuan antara pihak UiTM dan sekolah yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran para guru dalam menguruskan pusat sumber sekolah. Pengisian bengkel adalah untuk memberi pendedahan dan tunjuk ajar pengkatalogan dan pengkelasan bahan.



## SIDANG REDAKSI

### Penasihat

En. Noor Hidayat Adnan

### Editor

Pn. Roslina Binti Mohamad Ali



### Pengurus Produksi

Pn. Wan Norizan binti Wan Mansor



### Wartawan

En. Mohd Hazrul Mohd Hussin



### Grafik

Pn. Ain Nur Munirah Abdullah  
En. Zawawi Husin

### Foto

Pn. Rostinah Mujir



### Idea, Konsep dan Terbitan Bahagian Penerbitan, PTAR

# AUDIT (SURVEILLANCE 2) LRQA

## Di Perpustakaan Tun Abdul Razak

Audit Pengawasan (SV2) ISO 9001:2008 telah dilaksanakan pada 8 April 2016. Dua orang auditor berauliah daripada Llyods Register Quality Assurance (LRQA) iaitu Pn Norhaida Aini telah mengaudit di Jabatan Pengurusan Perpustakaan (JPnP) PTAR Utama dan Encik Mohd Rasyidi Ismail telah mengaudit di Perpustakaan Alam Bina (PAB).

Skop audit pengawasan pada kali ini merangkumi Pengurusan Sumber Manusia di PTAR Utama dan Perkhidmatan Perpustakaan di Perpustakaan Alam Bina.

Pembentangan penemuan audit telah dibentangkan dalam mesyuarat penutup dan PTAR telah berjaya memenuhi keperluan piawaian ISO 9001:2008.



Pn Norhaida Aini menjalankan audit di Jabatan Pengurusan Perpustakaan Tun Abdul Razak



Encik Mohd Rasyidi Ismail sedang mengaudit di Perpustakaan Alam Bina

## PTAR Ungguli Anugerah Emas di MINI KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE Peringkat Wilayah Selatan 2016



Peserta Kumpulan Inovatif & Kreatif PTAR bergambar kenangan bersama sijil dan trofi yang dimenangi di Hotel Swiss Garden, Melaka

Mini Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Selatan 2016 telah pun berlangsung pada 5 April 2016 bertempat di Hotel Swiss Garden, Melaka.

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menghantar penyertaan Kumpulan Inovatif Kreatif ke Mini Konvensyen Team Excellence Wilayah Selatan 2016 melalui tiga kumpulan iaitu Keylite, Shine dan One Pro.

Melalui penyertaan ini, PTAR telah menerima Anugerah Emas untuk ketiga-tiga kumpulan yang dipertandingkan.

Syabas dan Tahniah diucapkan kepada kesemua wakil dari Perpustakaan Tun Abdul Razak kerana telah mendapat anugerah EMAS. Di harap dengan anugerah ini dapat membakar semangat kumpulan-kumpulan inovatif kreatif lain di PTAR untuk bertanding di pelbagai peringkat.

# Program LIBRARY LIAISON OFFICER DAY 2016



Pegawai Perhubungan Perpustakaan UiTM dan Pegawai Perhubungan Perpustakaan Fakulti bergambar kenangan bersama ketua Pustakawan PTAR, Encik Noorhidayat Adnan



Sebahagian daripada pegawai yang menghadiri program Library Liaison Officer di Bilik seminar PTAR



Bacaan doa sebagai pembuka majlis

Ucapan aluan oleh Ketua Pustakawan PTAR, Encik Noorhidayat Adnan



Sesi lawatan ke sekitar Perpustakaan Tun Abdul Razak

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan Program Library Liaison Officer (LO) Day 2016 yang telah berlangsung di Bilik Seminar PTAR pada 11 April 2016 dan dihadiri oleh Pegawai Perhubungan Perpustakaan UiTM Kampus Shah Alam dan Pegawai Perhubungan Perpustakaan Fakulti/Bahagian/ Pusat.

Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk memperkuuhkan komunikasi dan kolaborasi dua hala antara LO PTAR dengan LO Fakulti/Bahagian/Pusat di UiTM disamping memberi penghargaan dan terima kasih kepada LO PTAR & LO Fakulti/Bahagian/Pusat di atas kerjasama baik yang diberikan selama ini. Antara pengisian lain adalah Perkongsian maklumat mengenai proses cadangan pembelian bahan Perpustakaan menggunakan sistem WILS, Dasar Penyerahan Bahan Harta Intelek UiTM ke Repositori Universiti dan pengurusan rekod universiti.

Diharapkan program ini dapat memberi impak kepada setiap peserta mengenai peranan dan tanggungjawab bagi setiap LO selain dapat berbincang dan merancang aktiviti bersama di masa hadapan.

# Lawatan Akademik

Pelajar Pengurusan Perpustakaan  
UITM PUNCAK PERDANA KE PTAR



Sebahagian dari Pelajar Fakulti Pengajian Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana mengabadikan kenangan bersama pustakawan dari PTAR, Puan Zuhaslinda Sulaiman, Puan Siti Aisyah Sadan dan Encik Mohd Hazrul.

**26 April 2016** - Pelajar dari Pengurusan Perpustakaan, Fakulti Pengajian Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana telah mengadakan lawatan akademik ke Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR).

Lawatan yang bermula seawal jam 9.00 pagi ini diadakan di Bilik Seminar, PTAR Utama. Tujuan lawatan ini adalah untuk memenuhi kriteria matapelajaran Digital Library (IML651) oleh seramai 26 orang pelajar yang diketuai En. Azmi Ab Rahman, Pensyarah di Fakulti Pengajian Maklumat. Taklimat telah disampaikan oleh Pn. Zuhaslinda Sulaiman dari Jabatan Pembangunan Repositori Institusi Universiti, PTAR.

## DIARI PTAR APRIL 2016

PTAR di Mini Konvensyen Team Excellence Wilayah Selatan  
**05 April 2016**

Majlis Persaraan Staf (Encik Mohamad Nordin Jalil)  
**07 April 2016**

Audit Pengawasan (Surveillance 2)  
**08 April 2016**

Library Liaison Officer Day  
**11 April 2016**

Academic Training : Scopus and Mendeley  
**14 April 2016**

Bengkel Pengkatalogan Dan Pengelasan Guru Pusat Sumber Sekolah Menengah Negeri Terengganu  
**18-20 April 2016**

## KURSUS MICROSOFT WORD (Intermediate) PTAR



Encik Muhammad Haffizae sedang memberikan penerangan kepada peserta Kursus Microsoft Word di Pusat IT, PTAR baru-baru ini.

Bahagian Pengurusan Sistem Perpustakaan (BPSP) dengan kerjasama Unit Pembangunan Modal Insan telah menganjurkan Kursus Microsoft Word (Intermediate) PTAR pada bulan April 2016 ini.

Peserta kursus : 40 orang staf PTAR

Kumpulan Sasaran : Staf Profesional & Pelaksana

Penceramah : Encik Muhammad Haffizae Ghazali (Pegawai Teknologi Maklumat, InfoTech, UiTM)

Fasilitator : Encik Mohd Fareez bin Mohd Zaini (Pembantu Perpustakaan, Unit Pengurusan ICT, PTAR)

Objektif kursus ini diadakan bertujuan untuk :-

- Memberi kefahaman dan kemahiran mengenai penggunaan Microsoft Word (Intermediate).
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan Microsoft Word dengan versi yang terkini.
- Memberi peluang kepada staf untuk menjadi lebih kreatif dalam mengendalikan Microsoft Word.
- Mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam penggunaan Microsoft Word.

Lawatan pelajar Akademik Pengurusan Perpustakaan UiTM Puncak Perdana  
**26 April 2016**

Kursus Microsoft Excel (Intermediate)  
**26-27 April 2016**

Majlis Tazkirah Bulan April 2016 :  
Ikhtilat (Hubungan di Pejabat)  
**29 April 2016**